

Media Perlu Bantu Suburkan Hubungan Baik Malaysia-Indonesia, Titah Raja Muda Perlis
Bernama
3 Februari, 2013
Daripada Adnan Jahaya

MEDAN, 3 Feb (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu media Malaysia dan Indonesia bekerjasama rapat bagi membantu menyuburkan lagi hubungan baik kedua-dua negara.

Titah baginda peranan mereka tidak terhad kepada mempromosikan hubungan baik dua negara tetangga itu semata-mata tetapi juga meredakan ketegangan yang mungkin berpunca daripada salah tafsiran pelbagai isu.

Sehubungan itu baginda yakin kerjasama antara Kelab Media Perlis (KEMPs) dan Aliansi Journalis Independen (AJI Kota Medan) yang dimeterai hari ini akan membawa kesan positif kepada kedua-dua negara.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) KEMPs dan AJI Kota Medan di sini pada Ahad.

Turut berangkat Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Hadir sama Konsul Jeneral Malaysia di Medan Ahmad Rozian Abd Ghani dan Pengarah Tourism Malaysia di Medan Cik Nor Asikin Haron.

Titah baginda, kerjasama antara KEMPs dengan negara jiran seperti Indonesia akan memberi kesan positif kepada penyiaran berita berkaitan kedua-dua negara.

KEMPs yang dianggotai wartawan, jurukamera dan jurugambar yang bertugas di Perlis sebelum ini menandatangani MoU The Press Association of Southern Thailand pada 19 Januari lalu.

Sementara itu, Setiausaha AJI Kota Medan Herman Salleh Harahap berkata kerjasama berkenaan akan merapatkan lagi hubungan antara wartawan khususnya yang berkhidmat di Perlis dan kota Medan.

Katanya AJI Kota Medan sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan media di Malaysia dan gembira dengan kehadiran KEMPs ke Medan.

Timbalan Presiden KEMPs Shahidi Shahidan pula berkata MoU itu akan menguntungkan kedua-dua pihak terutama dalam menjalankan tugas rasmi.

Beliau berkata pihaknya sedang mengkaji kemungkinan menganjurkan forum berkaitan tanggungjawab dan peranan media dalam rantau pertumbuhan segi tiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) pada Mei ini di Perlis.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925731>